

Bayi koma didera emak

HARJAN METRO 27/11/2017 M/S 8
Kesan lebam seluruh tubuh bongkar kekejaman ibu

Zulfa Mohamad
am@hmetro.com.my

Kepala Batas

Kesan lebam pada seluruh badan bayi lelaki berusia setahun membongkar rahsia dia sebenarnya menjadi mangsa dera ibu sendiri sehingga koma dan kini dirawat di Hospital Pulau Pinang (HPP).

Kejadian dipercayai berlaku pada jam 4.30 petang 22 November lalu di rumah keluarga mangsa di Lahar Kepar dan mangsa pada mulanya dikatakan terjatuh sebelum dikejarkan ke Hospital Kepala Batas (HKB) jam 4.50 petang.

Bagaimanapun, pada jam 9.20 malam, doktor HKB



NOORZAINY

memaklumkan kepada polis kerana mengesyaki bayi berkenaan menjadi mangsa dera.

Mangsa dipercayai didera ibunya iaitu warga Indonesia berusia 26 tahun ketika suaminya tiada di rumah.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, doktor mengesyaki mangsa didera berdasarkan kesan lebam pada dahi, pipi kanan selain seluruh anggota badan dan dipercayai mengalami pendarahan dalam kepala.

“Berdasarkan keterangan daripada pegawai perubatan mengesahkan mangsa sampai di HKB dalam keadaan mata tertutup, tiada percakapan, tiada pergerakan dan disyaki mengalami pendarahan otak selain mempunyai kesan lebam di dada, kaki kiri dan bawah mata kiri serta tidak dapat dipastikan sama ada kecederaan mangsa itu disengajakan atau kemalangan,” katanya.